

**PEMILIHAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR ALIRAN  
PERDAGANGAN SEKOLAH MENENGAH TEKNIK : SATU KAJIAN KES**

**NORHASYILA BINTI MINHAT**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

MAC 2004

Istimewa Buat Abah Dan Emak Yang Tersayang

Minhat Bin Mohamad Elah dan Zainab Binti Mohamad

Segala pengorbanan, nasihat dan kasih sayang yang dicurahkan tanpa rasa jemu tidak dapat dibalas buat selama-lamanya. Semoga Allah s.w.t. melindungi dan merahmati hidup kalian buat selama-lamanya

Buat Along Dan Adik-Adik Yang Dikasihi

Abang Azman, Fara Dan Mira

Terima kasih di atas segala sokongan, dorongan, bantuan dan kasih sayang yang diberi.

Semoga kalian akan terus berjaya!

Buat Rakan Seperjuangan Yang Banyak Membantu Secara Langsung Dan Tidak

Langsung

Liza, Siti, Ani, dan Nurul serta rakan-rakan yang lain

Terima kasih atas segalanya.....



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya, serta berkat dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan projek sarjana ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Tn. Hj. Yusof Bin Jamar di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada pihak Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini. Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada kaunselor sekolah dan pelajar-pelajar tingkatan empat aliran perdagangan kelas 4 PERD. Cekal dan 4 PERD. Usaha.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya. InsyaAllah.



## ABSTRACT

This research is a survey to determine the career chosen of form four student in commerce streams. The important aspect of the career chosen has been divided into three, first is information about career, type of career and factor that most influence students in choosing a career. The study was conducted at Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor Darul Ehsan. Thirty six form four students was chosen by using non-random sampling purpose method as respondent. All information was gather by using questionnaire. Data collected has been analyzed in form of frequency, percentage and mean. Results are performed in table and graph. The finding show that information about career have been improved in students career chosen and mass media is the main factor influencing students in choosing their career.



PTAAU  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

## ISI KANDUGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
------------	----------------	-------------------

	<b>BORANG PENYERAHAN TESIS</b>	
	<b>HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN PENULIS</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
--------------	--------------------	--

	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Latar Belakang Kajian	3
	1.3	Pernyataan Masalah	7
	1.4	Objektif Kajian	9
	1.5	Persoalan Kajian	10

1.6	Matlamat Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Skop Dan Limitasi Kajian	12
1.9	Kerangka Teori	12
1.10	Definisi Istilah	13

**BAB II****SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Kerja Dan Pekerjaan	18
2.3	Bidang Kerjaya	18
2.4	Pemilihan Kerjaya	21
2.5	Peranan Ibu Bapa Dalam Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar	24
2.6	Pengaruh Rakan Sebaya Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	25
2.7	Pengaruh Media Massa Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	26
2.8	Pengaruh Sekolah Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar.	27
2.9	Sumber Maklumat Kerjaya	28

**BAB III****METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Populasi	31
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Instrumen Kajian	32
3.6	Kajian Rintis	35
3.7	Andaian Kajian	36

3.8	Limitasi Kajian	36
3.9	Prosedur Kajian	37
3.10	Pentadbiran Set Soal Selidik	38
	3.10.1 Pengedaran Set Soal Selidik	39
	3.10.2 Pengumpulan Set Soal Selidik	39
3.11	Analisis Data	40
	3.11.1 Kaedah Peratusan	40
	3.11.2 Analisis Skor Min	41
	3.11.3 Persembahan Data	42

#### **BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.1	Pengenalan	43
4.2	Analisis Responden Bahagian A	44
	4.2.1 Jantina	45
	4.2.2 Keturunan	46
	4.2.3 Aliran Perdagangan Merupakan Bidang Pilihan	46
	4.2.4 Bidang Kerjaya Dalam Aliran Perdagangan Yang Ingin Diceburi	47
4.3	Analisis Bahagian B Dan D	48
4.4	Analisis Bahagian B: Maklumat Mengenai Kerjaya	58
	4.4.1 Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Daripada Kaunselor Di Sekolah	49
	4.4.2 Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Daripada Internet	50
	4.4.3 Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Melalui Media Cetak	50
	4.4.4 Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Melalui Rancangan Bimbingan Kerjaya	51

	Di Dalam Radio	
4.4.5	Maklumat Kerjaya Yang Diperolchi Setelah Mengikuti Kursus Kerjaya	51
4.4.6	Kursus Kemahiran Berterusan Di Tempat Kerja Adalah Penting Sebagai Sumber Maklumat Kerjaya	52
4.4.7	Purata Min Keseluruhan Bagi Bahagian B Iaitu Maklumat Mengenai Kerjaya	53
4.5	Analisis Deskriptif Bahagian C: Ciri-Ciri Kerjaya Pilihan	54
4.6	Analisis Bahagian D: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya	56
4.6.1	Faktor Ibu Bapa Dalam Pemilihan Kerjaya	57
4.6.2	Faktor Guru Dalam Pemilihan Kerjaya	59
4.6.3	Faktor Rakan Sebaya Dalam Pemilihan Kerjaya	62
4.6.4	Faktor Media Massa Dalam Pemilihan Kerjaya	64

## **BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	67
5.2	Perbincangan Dan Rumusan	68
5.2.1	Maklumat Mengenai Kerjaya	68
5.2.2	Ciri-Ciri Kerjaya Yang Menjadi Pilihan	69
5.2.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya	70
1	Faktor Media Massa	70
2	Faktor Guru	71
.3	Faktor Rakan Sebaya	72
4	Faktor Ibu Bapa	72



5.3	Cadangan	73
5.3.1	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	74
5.4	Penutup	75
<b>BIBLIOGRAFI</b>		77
<b>LAMPIRAN A</b>		82
<b>LAMPIRAN B</b>		87
<b>LAMPIRAN C</b>		89
<b>LAMPIRAN D</b>		100



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Persolan Kajian Dan Item-Item Soal Selidik	33
3.2	Skala Pemeringkatan Likert	34
3.3	Ukuran Tahap Persetujuan Min Yang Telah Diubahsuai	41
4.1	Jumlah Peratusan bilangan Responden Mengikut Jantina	45
4.2	Jumlah Peratusan Keturunan Responden Mengikut Responden	46
4.3	Aliran Perdagangan Merupakan Bidang Pilihan	46
4.4	Bidang Kerjaya Dalam Aliran Perdagangan Yang Ingin Diceburi	47
4.5	Tafsiran Min Bagi Ukuran Tahap Kecenderung	48
4.6	Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Daripada Kaunselor Di Sekolah	49
4.7	Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Melalui Internet	50
4.8	Maklumat Kerjaya Yang Diperolehi Melalui Media Cetak	50
4.9	Maklumat Kerjaya Yang diperolehi melalui Rancangan Bimbingan Kerjaya Di Dalam Radio	51
4.10	Maklumat Kerjaya yang diperolehi Setelah Mengikut Kursus Kerjaya	51
4.11	Kursus Kemahiran Berterusan Di Tempat Kerja Adalah Penting Sebagai Sumber Maklumat Kerjaya	52
4.12	Purata Min Keseluruhan Maklumat Mengenai Kerjaya	53

4.13	Ciri-ciri Kerjaya Pilihan	54
4.14	Analisis Deskriptif Faktor Ibu Bapa	57
4.15	Analisis Deskriptif Faktor Guru	59
4.16	Analisis Deskriptif Faktor Rakan Sebaya	62
4.17	Analisis Deskriptif Faktor Media Massa	64



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori Pemilihan Kerjaya	12
3.1	Prosedur Kajian	38



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	82 - 86
B	Alpha Cronbach	87-55
C	Taburan Kekerapan	89 - 99
D	Min Keseluruhan	100 - 104



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam sistem pendidikan kebangsaan, pendidikan teknik dan vokasional mempunyai peranannya yang tersendiri. Pada amnya, perkembangan sistem pendidikan teknik dan vokasional (PTV) di Malaysia bermula dengan penubuhan “Trade School” (Sekolah Pertukangan) pada tahun 1926 bagi tujuan pertukangan di Kuala Lumpur. Setelah “Trade School” mendapat sambutan yang baik, sekolah ini telah dikembangkan atau ditambah bilangannya di beberapa buah negeri. Antaranya ialah di Ipoh pada tahun 1930, diikuti oleh Johor Bahru pada tahun 1931 dan di Pulau Pinang pada tahun 1932.

Sekolah ini pada asasnya mengajar asas kemahiran pertukangan, baikpulih mesin, pendawaian elektrik dan pembinaan bangunan yang mana jangka masa kursus yang di tawarkan adalah selama tiga tahun. Selepas Perang Dunia Kedua, pemerintah British telah mengubah “Trade School” kepada “Junior Technical Trade School”

(Kementerian Pendidikan 1975) di mana daripada sudut kursus yang dijalankan tidak banyak berlakunya perubahan, cuma bagi syarat kemasukan sahaja dipinda. Pada tahun 1956 selepas dicadangkan oleh Laporan Razak, Institut Teknik ditubuhkan bagi meneruskan sistem persekolahan ini. Maka, inilah titik tolak kepada pendidikan teknik moden negara.

Pada tahun 1965, syarat memasuki Sekolah Menengah Rendah telah dimansuhkan. Pemansuhan ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan persekolahan untuk anak-anak daripada ibubapa dan cadangan penambahan pendidikan teknik dan vokasional di peringkat menengah.

Pada tahun tersebut juga, pendidikan komprehensif telah diperkenalkan di mana semua pelajar akan mendapat pendidikan am dan diberikan juga penekanan teknik dan vokasional, perindustrian, perdagangan, pertanian atau sains rumahtangga (Kementerian Pendidikan, 1992). Namun begitu, peningkatan pelajar dalam persekolahan menengah berlaku dengan cepat pada tahun 60-an yang mana ia memberi tekanan kepada sistem sekolah menengah.

Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Pertama, suatu dasar yang cuba untuk mempersiapkan tenaga kerja telah digariskan. Pelajar yang tamat persekolahan menengah dirancang dapat menceburi dunia pekerjaan. Oleh itu, pada tahun 1967, Sekolah Menengah Vokasional telah ditubuhkan bagi menggantikan "Trade School" (Kementerian Pendidikan, 1975) yang berterusan sehinggalah pada tahun 1995 di mana ianya telah digabungkan dengan Sekolah Teknik dan memakai nama Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional.

Kewujudan aliran perdagangan dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional ini telah dapat menyediakan kemahiran kepada para pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan. Namun sejauhmanakah aliran perdagangan ini diperlukan atau mempunyai peluang dalam sektor pekerjaan pada masa kini?.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Hampir semua golongan belia yang terdiri daripada lepasan sekolah sehinggalah universiti bercita-cita untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Setiap tahun ratusan ribu lepasan sekolah dan institusi pendidikan tinggi memasuki pasaran pekerjaan. Mereka tidak ingin hidup menganggur kerana akan menyusahkan diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Ini diikuti oleh peredaran dalam dunia moden yang serba mencabar yang telah menyebabkan bidang pekerjaan amat penting kepada kebanyakan orang (Mohd Yahya & Roseliza, 2002). Pekerjaan yang menjadi pilihan seseorang individu bergantung kepada tujuan masing-masing seperti minat, mencari kepuasan diri, memperoleh sumber kewangan, memupuk sumber sokongan sosial, membina identiti dan harga diri, seterusnya memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Bagi merealisasikan niat seseorang dalam pekerjaan ia memerlukan pembuatan keputusan yang tepat terhadap pemilihan kerjaya. Ini kerana pada hari ini, telah wujud kepelbagaian jenis kerjaya yang mendorong kepada peningkatan ekonomi negara.

Kepelbagaian jenis kerjaya juga dapat meningkatkan lagi sumber ekonomi negara dan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh itu, jelaslah betapa pentingnya keperluan sumber manusia ini kepada pembangunan negara di mana ianya



turut merupakan satu cabaran besar kepada pendidikan teknik dan vokasional. Menurut pandangan Siti Maspiyah dan Nor Azizah (1995) iaitu:

“Pendidikan teknik dan vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara. Di mana-mana negara yang sedang pesat membangun, keperluan tenaga mahir dan separa mahir amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Ini kerana mereka adalah teras pembangunan”.

Walau bagaimanapun, kebanyakan golongan ini terutama pelajar-pelajar tingkatan empat (4) masih tidak memahami atau tidak tahu bagaimanakah kaedah yang terbaik dalam mempersiapkan diri untuk melangkah ke dunia pekerjaan yang merupakan sesuatu yang asing bagi mereka. Oleh itu mereka perlu diberi bimbingan dan panduan dalam usaha pemilihan kerjaya. Bimbingan dan panduan yang betul tentunya akan membantu mereka dalam usaha membuat keputusan pemilihan kerjaya yang menjadi cita-cita, impian dan kemahiran setiap individu.

Proses kerjaya merupakan satu proses berterusan di mana individu melibatkan diri dalam satu siri pekerjaan yang boleh membantu kepada perkembangan peribadi terutamanya dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Manakala pemilihan kerjaya adalah satu proses yang berterusan, bermula dari persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa (Tolbert, 1974). Pelajar di sekolah menengah adalah kumpulan pelajar yang sedang berada di peringkat percubaan dalam menentukan kerjaya. Pelajar menggunakan minat, kebolehan dan pengetahuan yang mereka ada untuk membuat keputusan berkenaan pemilihan kerjaya. Menurut Srebalus (1982), pemilihan kerjaya mengutamakan faktor pengetahuan tentang diri dan pengetahuan tentang pekerjaan sebagai petunjuk pemilihan kerjaya.

Kajian kerjaya adalah kajian yang penting kerana ia dapat memberi gambaran arah aliran aspirasi pemilihan kerjaya pelajar. Perubahan pemilihan kerjaya ini sangat bergantung pada perubahan perkembangan semasa. Pada zaman gelombang kedua iaitu zaman perindustrian, telah banyak mempengaruhi pelajar di mana lebih ramai pelajar bercita-cita memilih pekerjaan yang berkaitan dengan industri tetapi apabila muncul era teknologi maklumat di abad ke-21, lebih ramai pelajar bercita-cita memilih pekerjaan yang berkaitan dengan teknologi maklumat.

Kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam aliran perdagangan turut membuka laluan yang luas terutamanya dari segi peluang pekerjaan di masa hadapan kepada individu yang menceburi bidang ini. Ini dapat diperkukuhkan lagi dengan perkembangan sektor perkhidmatan. Ini kerana, walaupun sesuatu perniagaan itu dilakukan berteraskan perkhidmatan namun ia tetap dapat mewujudkan peluang kerjaya kepada pelajar aliran perdagangan ini. Oleh itu, pendedahan yang lebih efektif perlulah dilakukan kepada generasi muda khususnya pelajar sekolah tingkatan empat (4) bagi mengasah bakat, minat dan personaliti. Menurut Hushim Salleh (2003), pelajar perlu menyemai cita-cita selepas tingkatan tiga (3) iaitu selepas tamat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) kerana pelajar akan menjurus kepada bidang tertentu seperti sains tulen, sastera atau perdagangan.

Minat yang pelbagai di dalam berbagai bidang menyebabkan pelajar berkenaan tidak dapat mengagak dengan baik antara minat, bakat dan sahsiah mereka di dalam memilih kerjaya yang bersesuaian. Peluang kerjaya juga tidak terhad di sektor awam dan swasta sahaja malah peluang juga terbuka luas bagi pelajar-pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Berdasarkan teori Ginzberg (1966), pelajar pada umur 13 hingga 18 tahun adalah berada di peringkat percubaan dan akan memasuki peringkat awal dewasa. Peringkat ini merupakan satu peringkat yang penting kerana di akhir peringkat ini pelajar-pelajar terpaksa membuat keputusan dan perancangan kerjaya yang besar kemungkinan akan mempengaruhi perkembangan kerjaya selanjutnya.

Menurut Slocum (1980), dalam pemilihan kerjaya terdapat empat (4) faktor yang mempengaruhi tindakan seseorang individu. Faktor-faktor tersebut ialah :-

- i. Pembolehkan-pembolehkan personal seperti kebolehan, minat, jantina, umur, ciri-ciri fizikal dan sejarah hidup seseorang.
- ii. Sosial dan budaya seperti nilai-nilai masyarakat, pra syarat dan peluang-peluang pekerjaan.
- iii. Hubungan inter-personal dengan individu individu lain.
- iv. Nilai-nilai rujukan seperti keluarga, rakan sebaya dan guru.

Tolbert (1974), pula berpendapat bahawa pendedahan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya adalah penting, terutama di kalangan pelajar-pelajar kerana ia boleh menolong mereka menerokai bidang-bidang kerjaya yang sesuai baginya.

Oleh yang demikian, maklumat yang diterima dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang pelajar khususnya pelajar aliran perdagangan sekolah menengah teknik dapat membantu mereka membuat keputusan pemilihan kerjaya (Mohd Yahya Mohamad et.al.,2002). Oleh itu, kajian kes ini dibuat bagi mengkaji pilihan kerjaya di kalangan pelajar aliran perdagangan sekolah menengah teknik.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Negara kita Malaysia yang semakin pesat membangun amat memerlukan sumber manusia yang dapat digunakan dalam pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, perindustrian, perusahaan, pengangkutan, perubatan, komunikasi, teknologi maklumat dan pertanian sama ada di sektor awam mahupun swasta.

Oleh itu, ia memerlukan seseorang pelajar itu agar dapat membuat keputusan yang tepat dalam pemilihan kerjaya. Pemilihan kerjaya merupakan aspek penting dalam kehidupan pelajar bagi menentukan hala tuju corak kehidupan pada masa depan. Pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan diri pelajar serta memenuhi citarasa pelajar bukanlah sesuatu yang mudah. Jelaslah di sini bahawa adalah penting untuk seseorang individu membuat pemilihan kerjaya yang paling sesuai untuk dirinya kerana kerjaya yang diceburi banyak menyumbang kepada kepuasan hidup masa hadapan. Kepuasan dengan pekerjaan yang diceburi telah dikaitkan dengan beberapa perkara seperti penurunan kadar penyakit fizikal, peningkatan tahap kesihatan mental (Cohen, 1984), melahirkan perasaan optimistik dan gembira serta perasaan dipunyai atau dimiliki oleh kumpulan tertentu serta meningkatkan harga diri seseorang individu (Anerbach & Grambling, 1998).

Semua kerjaya yang ada di pasaran buruh memerlukan kelayakan akademik yang sesuai. Dalam proses menuju ke arah negara industri, Malaysia memerlukan ramai pekerja yang mahir dalam bidang teknik dan vokasioanal serta bidang perdagangan. Menurut Sharil et.al.(1993), aliran teknik dan vokasional adalah bertujuan melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang kemahiran teknikal di mana kursus yang ditawarkan adalah bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan sebagai gunatenaga mahir dan separuh mahir khususnya dalam sektor perindustrian, perdagangan, dan perkhidmatan.

Kerajaan juga memberi penekanan yang tinggi terhadap pembangunan sumber manusia kerana kerajaan menganggap bahawa rakyat itu sendiri merupakan aset yang paling penting kepada negara. Namun hal ini kurang disedari oleh para pelajar aliran perdagangan kerana kurangnya pendedahan maklumat mengenai kerjaya sebagaimana menurut Loyd dan Aminah (1987) yang menyatakan bahawa pelajar harus diberikan maklumat penting mengenai kerjaya.

Menurut Issacson (1971) dalam Mizan Adiliah, 2003 maklumat kerjaya ialah bahan dan informasi mengenai dunia pekerjaan yang sah, tepat dan boleh digunakan oleh seseorang individu bagi membantu mereka dalam mencari pekerjaan. Maklumat ini juga membimbing individu dalam membuat keputusan berhubung dengan pemilihan kerjaya. Kekurangan maklumat mengenai kerjaya juga menyebabkan para pelajar lambat merebut peluang pekerjaan yang ada di pasaran. Ini kerana maklumat kerjaya masih belum disebarkan dan diwar-warkan secara meluas, efektif dan berterusan baik di sekolah mahupun institusi-institusi pengajian tinggi.

Lazimnya para pelajar hanya akan memikirkan masa depan selepas menamatkan alam persekolahan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Sesudah mendapat keputusan, barulah terfikir untuk berjumpa orang-orang yang lebih berpengalaman untuk bertanya dan mendapat maklumat kerjaya. Jika beginilah situasinya, para pelajar akan menghadapi masalah memilih kerjaya yang bakal diceburi apabila melangkah ke alam dewasa. Lantaran itu, adalah diharapkan para pelajar mengambil langkah awal membuat perancangan kerjaya dan mengumpul maklumat berkaitan dengan kerjaya yang hendak diceburi.

Memandangkan pemilihan kerjaya ini merupakan persoalan yang amat penting kepada pelajar, maka pendedahan kepada jenis dan bidang kerjaya adalah sangat diperlukan kerana banyak perkara yang boleh mempengaruhinya. Crites (1969), menekankan tentang faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi proses pemilihan kerjaya. Antaranya ialah :-

- i. Persekitaran termasuk keluarga, sekolah dan media massa
- ii. Komuniti termasuklah rakan sebaya dan kumpulan etnik.

Justeru itu, dalam kajian kes ini penyelidik ingin mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar, maklumat mengenai kerjaya dan ciri-ciri kerjaya yang menjadi pilihan mereka.

#### 1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, penyelidik telah menetapkan beberapa objektif kajian untuk memandu penyelidik bagi menghasilkan dapatan kajian yang bermakna. Antara objektifnya ialah :-

1. Mengetahui sama ada maklumat mengenai kerjaya dapat membantu responden dalam pemilihan kerjaya.
2. Mengetahui ciri-ciri kerjaya yang menjadi pilihan responden.
3. Mengetahui faktor-faktor seperti peranan ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan pihak sekolah dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar.

### 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut :-

1. Sejujukanakah maklumat mengenai kerjaya dapat membantu dalam pemilihan kerjaya?
2. Apakah ciri-ciri kerjaya yang menjadi pilihan di kalangan responden?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya responden?

### 1.6 Matlamat Kajian

Dalam kajian kes yang dijalankan oleh penyelidik ini, matlamat kajian kes ini adalah untuk mengenalpasti beberapa perkara yang dihadapi oleh pelajar aliran perdagangan sekolah menengah teknik dalam pemilihan kerjaya dan penyelidik memberi beberapa cadangan pembaikan.



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan bagi kajian ini adalah :-

### Pelajar

Kajian ini dijalankan khusus untuk manfaat para pelajar aliran perdagangan dalam pemilihan kerjaya yang boleh diceburi selepas tamat pengajian.

### Guru Bimbingan Kaunseling dan Guru Matapelajaran

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru membimbing pelajar-pelajar ke arah membina hala tuju kerjaya yang akan dipilih di masa depan.

Guru matapelajaran juga diharapkan dapat memberi maklumat tentang kepentingan matapelajaran tersebut kepada pekerjaan yang dipilih.

### Sekolah

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah menggiatkan usaha dalam menyalurkan maklumat-maklumat kerjaya kepada pelajar. Di samping itu kajian ini juga boleh memberi bimbingan kepada pihak sekolah dalam mengenalpasti keperluan dan persediaan awal pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan.



## BIBLIOGRAFI

Aminah Hj. Hashim & Arthur P. Lloyd (1995). *Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Federal Publication.

Anerbach, S.M & Grambling, S.E (1998). *Stress Management: Psychology Foundation*. Upper Saddle, River NJ: Prentice Hall Inc.

Arthur P. Lloyd & Aminah Hj Hashim (1987). *Bimbingan Dan Kaunseling Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Ariffin Hj. Zainal (1985). *Pekerja Dan Pekerjaan: Pendekatan Psikologi Personel*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azhani Hasibah Ab. Karim (2002). *Pemilihan Kerjaya Dalam Seni Reka Fesyen: Satu Tinjauan*. KUiTTHO. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Chek Mat (2000). *Pengurusan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Cohen, B.F.G (1984). "Organizational Factors Affecting Stress in The Clerical Workers". Amsterdam: Elsevier.

Cohen, L. & Manion, L. (1985). *Research Methods in Education*. London: Croom-Helm.

Crites J.D (1969). *Vocation Psychology: The Study of Vocational Behaviour and Development*. London: McGraw-Hill.

Ginzerberg,E, et.al (1966). "Occupational Choice: An Approach To A General Theory".  
New York.

James Drever (1976). " A Dictionary Of Psychology". Boston: Hounton, Mufflin.

Kembek Bt. Ramlee (2003). Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Bagi Matapelajaran Perakuanan Kewangan II Dalam Tajuk Perkongsian I Untuk Pelajar Kursus Diploma Akuatansi Semester 3 Di Politeknik Ungku Omar. KUiTTHO. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1975). Laporan Jawatankuasa Kabinet. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). Laporan Jawatankuasa Kabinet. Kuala Lumpur.

Khalid Johari (2003). Penyelidikan Dalam Pendidikan: Konsep & Prosedur. Pearson Malaysia Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.

Malhotra, N.K (1996). Marketing Research : An Applied Orientation.2<sup>nd</sup> Edition. United States: Prentice Hall Inc.

Mazlina Bt. Harun.(2002). Peluang Kerjaya Lepas SPMV Dalam Bidang Elektrik Dan Elektronik Di Sektor Indusri Bagi Menghasilkan Carta Aliran Kerjaya: Satu Kajian Di Tiga Buah Kilang Di Daerah Batu Pahat, Johor. KUiTTHO. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et. al. (2003). Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah. Kuala Lumpur: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Penerbit Universiti

Teknologi Malaysia. Johor Darul Takzim.

Mohamad Salleh Lebar (1999). Memahami Psikologi. Thinker's Library Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.

Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Roseliza Murni Ab. Rahman (2002). Melangkah Ke Dunia Pekerjaan. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Noor Suriani Bt. Nazaruddin (2000). Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Batu Pahat. KUiTHHO. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Roe, Anne .(1969). "The Psychology Of Occupations.". New York, John Wiley & Sons.

Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing dan Dr. Saedah Hj. Siraj (1993). "Pendidikan Di Malaysia." Terbitan Pertama. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Siti Maspiah dan Nor Azizah (1995). Kertas Kerja Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Menengah. Kuala Lumpur.

Sivasambo,K. (1987). Pengaruh Ibu Bapa Dalam Pemilihan Pekerjaan" dalam Aminah Hj. Hashim & Arthur P. Lloyd (1995). Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Federal Publication.

Slocum W. L. (1980). "Occupational Careers: A Sociological Perspective". Chicago: Aldine Publishing Company.

Smith, W (1985). "Introduction To Industrial Psychology". New Jersey : Prentice Hall. Inc.

- Srebalus, G. (1982). "Career Development Concepts And Procedures". Monterey, California Brooks Cole Publishing Co.
- Super D.E (1957). The Psychology of Careers. New York: Harper and Row Publisher Co.
- Tolbert, E. L. (1974). "Counselling For career Development". Boston: Houghton Mifflin Company.
- Utton, A.C.(1962). "Recalled Parent-Child Relations As Determinants Of Vocational Choice". Journal Of Counseling Psychology. Vol 9, m.s 49-53.
- Wan Intan Mohamad (1987). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Kerjaya. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Weinrach, G.S. (1979). " Career Counseling: The Theoretical and Practical Perspectives. New York : McGraw-hill book Co.
- Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows. Venton Publishing. Kuala Lumpur.
- Zikmund W. G. (2003). "Business Research Methods." 7th.ed. South Western, Thomson Learning.

**INTERNET**

Hushim Salleh (2003). Sebab-Sebab Memilih Pekerjaan. Diakses dari <http://www.edu.usm.my/education/Kaunseling/tips/kerjaya-sebab%20memilih.doc>. 19 Februari 2004.

Sidek Mohd Noah (2003). Penggunaan Ujian Psikologi Dalam Pemilihan Kerjaya. Diakses dari <http://web.uum.edu.my/p2k/ujian>. 19 Februari 2004.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH